

Menara Merdeka 118 bawa semangat Keluarga Malaysia

184- 1/12/2021 m/d: 2

PM sahkan puncak kedua tertinggi dunia, pemangkin baharu ekonomi Kuala Lumpur

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Penyempurnaan pemasangan puncak Menara Merdeka 118 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, semalam mengesahkannya sebagai menara kedua tertinggi dunia selepas Burj Khalifa.

Lengkapannya pemasangan puncak menara itu juga menjadikannya menara tertinggi di Asia Tenggara dan di Malaysia pada ketinggian 678.9 meter.

Menara Merdeka 118 dinamakan mengambil inspirasi mercu tanda sejarah negara iaitu Stadium Negara dan Stadium Merdeka kerana lokasinya yang menghadap kedua-dua mercu tanda itu.

Dalam ucapannya, Ismail Sabri berkata, Menara Merdeka 118 bakal memberi manfaat kepada Keluarga Malaysia kerana menjadi pemangkin baharu ekonomi bagi Kuala Lumpur, sekali gus melengkapi kawasan lain yang sedang rancang membangun.

“Merdeka 118 juga membawa semangat Keluarga Malaysia, selain memberi peluang komuniti setempat membangunkan per-

niagaan kerana kawasannya berdekatan Jalan Petaling, Kampung Attap dan Pudu.

“Mereka juga dapat mengadakan program atau aktiviti untuk menambahkan daya tarikan di kawasan sekitar Merdeka 118 menerusi Program Geran Komuniti Merdeka 118.

“Permohonan Geran Merdeka 118 ini sudah dibuka pada 28 Jun sehingga 20 Ogos lalu, yang mana Keluarga Malaysia boleh memohon mendapatkan tiga jenis geran iaitu sukan, seni dan komuniti perniagaan.

“Langkah ini secara langsung menggalakkan pembabitan Keluarga Malaysia dalam perkongsian idea untuk mengaktifkan semula komuniti dan membina lebih banyak peluang untuk pertumbuhan sosioekonomi,” katanya.

Hadir sama, Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz; Menteri Kanan Kerja Raya, Datuk Seri Fadillah Yusof; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Shahidan Kassim.

Pembinaan Menara Merdeka 118 setinggi 118 tingkat oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB) sudah mencapai 85 peratus dan dijangka siap sepenuhnya sebelum hujung tahun depan.

Ketinggian puncak menara atau *spire* Merdeka 118 yang mengambil masa tiga bulan pemasangan berukuran 160 meter dengan berat 1,015 tan iaitu bersamaan berat 852 kereta Proton Saga, diperbuat daripada keluli dan panel aluminium.

Presint Merdeka 118 memba-

bitkan pembangunan seluas 16.18 hektar, 50 peratus keluasan terdiri daripada Stadium Merdeka dan Stadium Negara.

Ini meliputi bangunan anjung tinjau ‘Look at 118’ menempatkan muzium tekstil, kafe, kedai cenderamata, selain pembinaan masjid, pusat asuhan dan taman.

Sementara di bahagian bawah menara, membabitkan pembinaan pusat beli-belah dihubungkan terus dengan stesen MRT Merdeka, selain tiga menara kediaman, pejabat, dek pemerhatian dan Hotel Park Hyatt.

Pada masa sama, Ismail Sabri berkata, kejayaan pembinaan Menara 118 bukan sahaja satu pencapaian hebat dalam bidang kejuruteraan, malah mengukuhkan lagi kedudukan Malaysia sebagai negara yang moden dan maju.

Beliau berkata, reka bentuk menara mencerminkan imej Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj ketika beliau mengangkat tangan melancarkan ‘Merdeka’, 64 tahun lalu.

Katanya, lebih membanggakan, Merdeka 118 akan menjadi menara pertama di Malaysia mencapai tiga penarafan platinum hijau dalam persijilan kelestarian antarabangsa serta persijilan WELL yang berprestij, iaitu pensijilan di dunia memberi tumpuan khusus kepada kesihatan dan kesejahteraan manusia.

“Ini menjadikan Merdeka 118 penanda aras industri di Malaysia sebagai menara ikonik untuk masa depan,” katanya.